

NAMA:..... Tingkatan :.....

SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos
2009
1 jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak
Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 1 Mengapakah lembah sungai menjadi pusat pembentukan tamadun awal manusia?
- A Kesuburan tanah
 - B Kesesuaian seni bina
 - C Jaminan keselamatan
 - D Potensi untuk pelancongan
- 2 Sistem pemerintahan beraja di Mesopotamia berbentuk
- A oligarki
 - B monarki
 - C teokrasi
 - D demokrasi
- 3 Chandragupta Maurya telah berjaya membentuk empayar Maurya dan mengubah status
- A raja kepada devaraja
 - B raja kepada maharaja
 - C feodal kepada birokrasi
 - D bangsawan kepada pembesar
- 4 Apakah matlamat pendidikan di Sparta dalam tamadun Yunani?
- A Melahirkan tentera yang sempurna
 - B Mengaplikasi ilmu keagamaan
 - C Mewujudkan pentadbiran berkesan
 - D Membentuk warganegara yang seimbang

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 5 Mengapakah kerajaan Funan berubah daripada kerajaan agraria kepada kerajaan maritim?
- A Pertambahan penduduk
B Kekayaan hasil laut
C Kemudahan pelabuhan
D Perubahan dasar pentadbiran
- 6 Pernyataan berikut merupakan amalan pemerintahan zaman Srivijaya.

Dalam upacara angkat sumpah di Srivijaya, *datu* akan meminum air yang disiram pada batu bersurat.

Apakah tujuan upacara tersebut?

- A Menguji kekuatan fizikal
B Meraikan pelantikan
C Menghapuskan dosa
D Menanam kesetiaan
- 7 Maklumat berikut merujuk kepada usaha orang Quraisy memujuk Nabi Muhammad s.a.w. setelah gagal menggunakan cara kekerasan.

Tawaran
<ul style="list-style-type: none">• Kedudukan• Wanita cantik• Harta benda

Mengapakah orang Arab Quraisy membuat tawaran tersebut kepada Nabi Muhammad s.a.w.?

- A Menjana perpaduan
B Melupakan kota Makkah
C Meninggalkan dakwah Islamiah
D Merangsang aktiviti perniagaan

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 8 Peristiwa berikut merupakan hijrah pertama orang Islam.


Berhijrah ke Habsyah.

Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. mengambil tindakan tersebut?

- A Mematuhi perintah Allah
 - B Meneruskan penyebaran Islam
 - C Mengurangkan tekanan orang Quraisy
 - D Memenuhi jemputan penduduk tempatan
- 9 Apakah tujuan Rasulullah menghantar Mus'ab bin Umair ke Madinah?
- A Menjamin keselamatan
 - B Menyebarkan ajaran Islam
 - C Menggubal perjanjian damai
 - D Membina kehidupan baru
- 10 Apakah peristiwa yang menyebabkan orang Islam Madinah melakukan Bai'ah al-Ridwan?
- A Khabar angin kematian Uthman
 - B Kegagalan Quraisy mematuhi perjanjian
 - C Tawanan perang Quraisy dibunuh
 - D Penangkapan Suhail bin Amru

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 11 Rajah 1 berkaitan dengan usaha khalifah Abu Bakar al-Siddiq menetapkan hak rakyat bukan Arab yang memeluk Islam.



Rajah 1

Y tersebut merujuk kepada golongan

- A Sufi
B Zimmi
C Mawali
D Mozarab
- 12 Apakah bukti kedatangan Islam dari China?
A Persamaan unsur kebudayaan China
B Penemuan Batu Bersurat di Terengganu
C Kedatangan pendakwah Islam dari Canton
D Kewujudan perkampungan Islam di Sumatera
- 13 Apakah bidang yang berkaitan dengan sistem berikut?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Rangkang• Muenasah• Jamiah Bait al-Rahman |
|---|

- A Ekonomi
B Kesihatan
C Pendidikan
D Pentadbiran

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 14 Hukum diat merupakan hukuman
- A bersumberkan perundangan Islam
 - B berasaskan adat sesuatu kaum
 - C ganti rugi berupa harta benda
 - D setimpal dengan kesalahan
- 15 Perumpamaan berikut berkaitan dengan norma kehidupan masyarakat Melayu.

*seikat seperti sirih,
serumpun seperti serai,
dan sedencing seperti besi.*

Apakah nilai murni yang terkandung dalam perumpamaan tersebut?

- A Bertoleransi
 - B Perpaduan
 - C Ketabahan
 - D Bersyukur
- 16 Kuasa berikut merupakan penjajah Barat.

- Portugal
- Sepanyol

Mengapakah kuasa tersebut menjadi perintis dalam aktiviti penjelajahan dan penerokaan kawasan?

- A Menyebarkan tamadun
- B Pembukaan Terusan Suez
- C Revolusi Perindustrian di Eropah
- D Galakan daripada pemerintah

Dapatkan skema Jawapan di Laman

17 Apakah yang diperjuangkan oleh Pergerakan *Luddite*?

- A Menentang akta pemagaran tanah awam
- B Membantah penggunaan mesin di kilang
- C Mempertahankan hak golongan majikan
- D Menghalang penglibatan buruh kanak-kanak

18 Jadual 1 merujuk kepada perkembangan tanaman pada abad ke-19.

Negeri	Tanaman
Johor	Gambir
Sarawak	Lada hitam

Jadual 1

Apakah faktor yang menggalakkan perkembangan tanaman tersebut?

- A Kemudahan sistem pengangkutan
 - B Kemasukan imigran dari China
 - C Kedatangan penjajah Barat
 - D Kemajuan teknologi pertanian
- 19 Mengapakah kerajaan British menubuhkan Lembaga Pesuruhjaya Wang pada tahun 1897?
- A Mencetak wang syilling
 - B Mengawal nilai mata wang asing
 - C Memberikan kemudahan pinjaman
 - D Mengeluarkan wang kertas

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 20 Mengapakah masyarakat Melayu menggunakan kaedah tradisional dalam aktiviti perikanan?
- A Meningkatkan hasil tangkapan ikan
 - B Mengelakkan kemusnahan hidupan air
 - C Memastikan ikan yang besar sahaja ditangkap
 - D Mengikut kesesuaian kawasan menangkap ikan
- 21 Apakah maksud imperialisme ?
- A Pengenalan ekonomi moden
 - B Penjajahan wilayah lain
 - C Penyebaran budaya luar
 - D Pembebasan kuasa politik
- 22 Sebelum kedatangan Perancis, sistem birokrasi Vietnam diketuai oleh golongan Mandarin yang dipilih melalui
- A perwarisan
 - B pilihan raya
 - C peperiksaan
 - D pungutan suara
- 23 Mengapakah pihak penjajah menganggap penerbitan akhbar sebagai ancaman terhadap mereka ?
- A Memperjuangkan hal-hal agama
 - B Menyebarkan idea nasionalis
 - C Membincangkan sistem sosial orang tempatan
 - D Memdedahkan kepincangan sosial orang Barat

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 24 Apakah tujuan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-19 hingga awal abad ke-20?
- A Menggulingkan kuasa raja
 - B Memajukan ekonomi negara
 - C Menentang penjajahan British
 - D Menyekat kemasukan imigran asing
- 25 Apakah faktor yang mendorong masyarakat tempatan memberikan sokongan kepada pembesar untuk menentang British ?
- A Sistem kerahan tenaga
 - B Menjadi adat turun-temurun
 - C Pelaksanaan undang-undang Barat
 - D Mendapat pengiktiran pemimpin
- 26 Senarai berikut merupakan persatuan yang ditubuhkan di Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM)• Kesatuan Melayu Muda (KMM) |
|---|

Apakah persamaan kedua-dua persatuan tersebut ?

- A Mempunyai unsur politik
- B Memperjuangkan kemerdekaan
- C Menggabungkan persatuan
- D Menggalakkan perpaduan

Dapatkan skema Jawapan di Laman

27 Peristiwa berikut berlaku di Eropah.

- Revolusi Inggeris 1688
- Revolusi Perancis 1789

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pemantapan kuasa gereja
- B Pembentukan empayar
- C Pengagihan kuasa pusat
- D Pembinaan negara bangsa moden

28 Senarai berikut merupakan pertubuhan yang berhaluan kiri.

- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Barisan Tani Malaya (BATAS)

Apakah yang diperjuangkan oleh penubuhan tersebut?

- A Menyokong penubuhan Malayan Union
- B Merestui Persekutuan Tanah Melayu
- C Menyebarkan fahaman komunis
- D Melancarkan pemberontakan

29 Pernyataan berikut merujuk kepada prinsip kewarganegaraan Tanah Melayu.

Kerakyatan jus soli telah diberi kepada rakyat Raja Melayu dan Rakyat British.

Apakah yang dimaksudkan dengan rakyat Raja Melayu?

- A Orang Melayu yang lahir di sesebuah Negeri Melayu
- B Bermastautin di Negeri-Negeri Selat
- C Menetap di negeri naungan British
- D Berketurunan Raja-Raja Melayu

Dapatkan skema Jawapan di Laman

30 Tokoh berikut berperanan mengemukakan idea pentadbiran negara.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Onn Ja'afar • Sir Henry Gurney |
|---|

Apakah model pemerintahan yang dicadangkan oleh mereka?

- A Sistem Ahli
- B Malayan Union
- C Perlembagaan Rakyat
- D Pembentukan Malaysia

31 Apakah matlamat penubuhan parti berikut?

Parti	<i>Independence Malaya Parti (IMP)</i>
Pengasas	Dato'Onn Ja'afar

- A Mempercepatkan pilihanraya
- B Mewujudkan perpaduan
- C Merundingkan kemerdekaan
- D Mengasaskan gerakan radikal

32 Apakah tujuan penubuhan Malaysia?


- A Membendung pengaruh komunis
- B Mewujudkan negara merdeka
- C Mengekalkan pentadbiran
- D Menyatupadukan bangsa

Dapatkan skema Jawapan di Laman

33 Apakah kepentingan penubuhan Malaysia dari segi ekonomi?

- I Wujud pasaran yang lebih luas
 - II Perkembangan industri pertanian
 - III Menggalakkan kemasukan buruh
 - IV Kemajuan perdagangan antarabangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Rajah 2 menerangkan tentang kuasa pemerintahan di Malaysia.



Rajah 2

X dalam rajah tersebut merujuk kepada

- A Badan Judisiari
- B Peguam Negara
- C Badan Legislatif
- D Badan Eksekutif

35 Maklumat berikut merupakan badan bebas dalam pelaksanaan dasar kerajaan.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Suruhanjaya tersebut menguruskan

- A pentadbiran jabatan
- B pelaksanaan dasar kerajaan
- C peruntukan kewangan kementerian
- D pelantikan dan kenaikan pangkat pegawai

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 36 Apakah matlamat penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)?
- A Memajukan industri berat
 - B Meningkatkan industri desa
 - C Melibatkan penyertaan sektor swasta
 - D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
- 37 Mengapakah Dasar Penswastaan diperkenalkan pada bulan Mac, 1983?
- A Mengurangkan beban kewangan kerajaan
 - B Menghapuskan kemiskinan luar bandar
 - C Merapatkan jurang ekonomi penduduk
 - D Menggerakkan pembangunan in-situ
- 38 Apakah faedah yang diperolehi daripada Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)?
- I Menjalin hubungan diplomatik
 - II Merapatkan hubungan antara negeri
 - III Mewujudkan perpaduan antara kaum
 - IV Melahirkan semangat kenegerian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Dapatkan skema Jawapan di Laman

39 Senarai berikut merupakan pakatan negara-negara Eropah.

- Perikatan Kuasa Tengah
- Pakatan Bertiga

Menjelang awal abad ke-20, negara Eropah mempunyai dua pakatan utama yang membawa kepada

- A Perang Dunia Pertama
- B Perang Dunia Kedua
- C Perang Saudara
- D Perang Dingin

40 Apakah faktor yang menyebabkan Negara-Negara Selatan bergantung kepada negara-negara maju?

- A Bekalan tenaga buruh
- B Bantuan tentera
- C Kerjasama politik
- D Pemasaran bahan mentah

KERTAS SOALAN TAMAT

Dapatkan skema Jawapan di Laman